

KEBERKESANAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA LAPANGAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR: SATU KAJIAN KES

Nur Fadzillah Binti Jaafar¹, Ruhaida Binti Nural Anuar², Norhasnina Binti Mokhtar³

^{1,2,3} Jabatan Kejuruteraan Elektrik,
Politeknik Sultan Azlan Shah

nur_fadzillah@psas.edu.my, ruhaida_anuar@psas.edu.my, norhasnina@psas.edu.my

Abstrak

Kemahiran generik merupakan kemahiran tambahan yang perlu diberi perhatian di dalam usaha melahirkan modal insan yang mampan dan holistik sejajar dengan misi Critical Agenda Project (CAP) yang ke-18 dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Fasa ke-2. Kajian deskriptif ini bertujuan mengenal pasti pembangunan kemahiran generik di kalangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) menerusi aktiviti kerja lapangan. Dalam konteks kajian ini, tumpuannya meliputi tiga aspek iaitu kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran pembelajaran berterusan. Populasi kajian yang diambil ialah pelajar-pelajar JKE yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance*. Kajian ini dilakukan pada populasi seramai 46. Keseluruhan 41 orang sampel telah diambil bagi mewakili populasi. Kajian rintis yang telah dilakukan menunjukkan nilai kebolehppercayaan soal selidik pada nilai Alpha Cronbach $\alpha=0.576$. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik yang diadaptasi dari kajian-kajian lepas dan disesuaikan dengan kajian ini. Data-data yang telah diperolehi, dianalisis dengan menggunakan program SPSS (Statistical Package for Social Science SPSS for Windows). Penganalisan dibuat mengikut kaedah statistik deskriptif iaitu dalam bentuk skor min. Analisis kajian ini juga menggunakan kaedah ujian-t tidak bersandar untuk menguji aras signifikan pencapaian generik pelajar mengikut jantina. Secara keseluruhannya menunjukkan setiap elemen kemahiran generik yang dikaji bagi aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan bagi kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* berada pada tahap yang tinggi.

Keywords: Kemahiran generik, pembelajaran, kerja lapangan

1.0 Pengenalan

Dalam era pembangunan negara masyarakat dan negara amnya menuntut supaya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang (Abdul Rahim, 2000). Menurut Anne Virtanen (2008) menyatakan bahawa terdapat beberapa hasil pembelajaran dapat dicapai dengan lebih berkesan sekiranya pembelajaran dan pengajaran dilakukan dalam keadaan semulajadi. Di Universiti kebangsaan Malaysia, pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan hubungan secara langsung dengan bahan atau objek yang dikaji dalam alam semulajadi adalah merupakan pembelajaran berasaskan kerja lapangan. Ini diperkuatkan lagi oleh Watisin (2010) yang menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan kerja adalah merupakan satu kaedah pembelajaran yang

menggabungkan teori dan amali secara serentak di lapangan kerja sebenar. Anne C Lewis (2004) dalam (Watisin, 2010) turut menyatakan bahawa kaedah pembelajaran di tempat kerja merupakan satu kaedah yang memberikan pengalaman luas kepada pelajar dan menyediakan peluang yang lebih baik untuk persediaan mereka dalam menempatkan diri dalam bidang industri yang mereka ceburi nanti. Antara kemahiran yang boleh didapati daripada aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan adalah merupakan kemahiran generik. Antara kepentingan yang dapat dicapai daripada pembelajaran berasaskan kerja lapangan ialah pelajar berpeluang untuk meningkatkan kemahiran generik di samping mengaplikasikan dan menggandakan pengetahuan dari aspek akademik dan teknikal (Bargeson, 2008). Penguasaan kemahiran generik ini akan menjadikan seseorang pelajar menjadi pekerja yang berketrampilan, berinovasi dan fleksibel selaras dengan keperluan sumber tenaga negara (Mohd Yusof Husain, 2010).

Terdapat peringkat dalam kurikulum vokasional yang baru yang memerlukan pembelajaran berasaskan kerja lapangan (Anne Virtanen, 2008). Beberapa kepentingan jelas akan tercapai melalui pembelajaran berasaskan kerja lapangan iaitu, antaranya ialah pelajar berpeluang meningkatkan kemahiran generik di samping mengaplikasikan juga menggandakan pengetahuan dari aspek akademik dan teknikal (Bargeson, 2008). Aspek-aspek ini penting bagi menyediakan pelajar bersedia bagi menghadapi suasana kerja yang sebenar. Shazaitul Azreen Rodzalan (2012) menyatakan untuk diambil bekerja, pelajar sepatutnya mempunyai bukan sahaja kemahiran-kemahiran teknikal malahan turut memiliki kemahiran generik yang baik. Daripada kajian literatur yang dibuat, masih tidak terdapat kajian yang memfokuskan kepada pencapaian kemahiran generik pelajar yang mengambil kursus kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* di politeknik. Tahap signifikan kajian untuk bagi atribut kemahiran generik juga tidak diukur secara jelas bagi pelajar lelaki dan perempuan yang mengikuti aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan.

1.1 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk:

- Mengenalpasti tahap pencapaian pelajar-pelajar JKE, PSAS yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* terhadap elemen-elemen yang dikaji
- Mengenalpasti perbezaan pencapaian kemahiran generik yang dikaji bagi pelajar-pelajar kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan berdasarkan jantina di JKE, PSAS.

1.2 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di kalangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance*. Tumpuan kajian ini adalah meliputi tiga aspek kemahiran generik iaitu kemahiran bekerja dalam kumpulan, berfikir secara kreatif dan pembelajaran berterusan.

2.0 Kajian Literatur

Pembelajaran berteraskan teknikal perlu diimbangkan dengan penerapan kemahiran insaniah tidak kira sama ada pembelajaran tersebut dalam bentuk kurikulum ataupun kokurikulum. Seo (2003) dalam (Ahmad Esa H. J., 2010) menjelaskan bahawa kemahiran generik perlu menjadi pelengkap kepada pengetahuan teori dan amali pelajar-pelajar di politeknik. Bagi memastikan graduan yang dihasilkan oleh politeknik memenuhi ciri-ciri pekerja mahir dalam semua aspek termasuk penguasaan kemahiran generik untuk menghadapi cabaran globalisasi, maka Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) perlu memberi penekanan dalam aspek tersebut supaya produknya lebih berkualiti dan mampu memenuhi keperluan industri negara. Namun demikian, pengajaran dalam bilik kuliah sahaja tidak mampu untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar secara ketara (Mohd Fathi Adnan, 2013). Oleh itu, satu alternatif pendekatan pembelajaran yang berbeza perlu dilakukan bagi memastikan

peningkatan secara aktif kemahiran generik pelajar. Pembelajaran berasaskan kerja lapangan adalah merupakan salah satu pendekatan yang berkesan bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar (Watisin, 2010). Ahmad Esa S. P. (2013) turut berpendapat penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai oleh pensyarah dapat membantu mengurangkan jurang antara pelajar dalam memahami dan mengaplikasikan elemen kemahiran insaniah.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan kemahiran insaniah merangkumi aspek aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Rodiah Idris, 2009). Tambah beliau lagi, kemahiran generik adalah kemahiran yang diperlukan oleh pelajar selain akademik untuk menjadi lebih berjaya dan cemerlang sebagai pengamal dalam bidang akademik, pekerjaan dan kehidupan. Ini disokong oleh Mahyuddin Arsaf (2008) menjelaskan bahawa majikan lebih mengutamakan kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan etika moral profesional. Menurut Mohd Yusof (2010), terdapat tujuh atribut kemahiran generik yang telah dikenal pasti. Kemahiran generik tersebut adalah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan. Ahmad (2008) pula menyatakan bahawa kemahiran generik yang boleh diukur di kalangan pelajar politeknik adalah termasuk elemen kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan, interpersonal dan pengurusan. Daripada keseluruhan atribut kemahiran generik yang dikaji, pengkaji telah memilih tiga atribut yang lebih signifikan kepada pembelajaran berasaskan kerja lapangan iaitu kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran pembelajaran berterusan.

2.1 Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan

Kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama Huzili Hussin (2008). Menurut KPTM (2006), kemahiran berpasukan melibatkan kebolehan untuk membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama; kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan; kebolehan mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain dan kebolehan memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan (Sharifah Hana Abd Rahman, 2015). Kemahiran kerja berpasukan merupakan kemahiran yang perlu ada pada setiap graduan untuk membantu mereka bersaing bagi mendapatkan pekerjaan sama ada dalam pasaran tempatan dan juga antarabangsa (Mohd Noor, 2008). Institusi pendidikan pada hari ini harus sama-sama berganding bahu untuk melatih para pelajar bekerja dalam satu pasukan, sama ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran ataupun di luar bilik darjah. Selain itu juga, satu kurikulum yang bersepadu harus diwujudkan untuk merealisasikan hasrat itu (Masud, 2013).

2.2 Kemahiran Berfikir Secara Kritis

Sarimah Kamrin (2008) dalam kajiannya mendefinisikan kemahiran berfikir kritis merupakan kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea, di mana pemikiran kritis ini melibatkan proses menganalisis dan menilai idea, data atau maklumat untuk kefahaman yang jelas, kukuh dan bermakna. Tambah beliau lagi, proses pengajaran dan pembelajaran perlu memberikan penekanan kepada proses penerapan kemahiran berfikir agar pelajar dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berfikir kritis mereka. Rajendran (2001) dalam Sarimah Kamrin (2008) menjelaskan bahawa penekanan pengajaran kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan faktor yang penting bagi memastikan kemahiran berfikir ini dapat dihayati. Kemahiran berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah merupakan dorongan utama kepada keupayaan kemahiran pembelajaran berterusan pelajar (Rodiah Idris, 2009).

2.3 Kemahiran Pembelajaran Berterusan

Definisi pembelajaran berterusan atau sepanjang hayat adalah merupakan integrasi pembelajaran formal dan tidak formal untuk membangunkan kebolehan, meningkatkan kualiti hidup dan dilakukan secara berterusan. Osman (2013) dalam kajian beliau menyatakan penghasilan modal insan berkualiti melalui pembelajaran sepanjang hayat menekankan kepada proses pembelajaran secara berterusan yang mana seseorang itu mendapatkan dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, dan juga berupaya membawa kepada perubahan sikap dan tingkahlaku yang baik, seterusnya meningkatkan potensi dan keupayaan individu untuk menyumbang kepada pembangunan diri, masyarakat dan negara. Ariffin A.A (2009) menyatakan bahawa perubahan teknologi menyebabkan kehendak dan pasaran pekerja di industri turut mengalami perubahan. Hubungan antara institusi pengajian dengan industri amat penting untuk mengatasi masalah yang wujud dalam pendidikan dan industri. Ini adalah kerana tanggungjawab institusi pendidikan adalah untuk mengeluarkan produk atau graduan yang diperlukan untuk memenuhi pasaran kerja di sektor industri. Menurut Mimi Mohaffyza Mohamad (2010), pembelajaran bukan hanya di institusi pengajian tetapi juga di tempat kerja kerana keadaan persekitaran yang berubah disebabkan perubahan arus teknologi. Menurutnya lagi, ini kerana latihan yang disediakan menyediakan pembelajaran berdasarkan pengalaman kepada pekerja untuk membangunkan keupayaan mereka dan meningkatkan prestasi kerja. Dalam konteks ini, pelajar menjalani latihan bukan sahaja di dalam kelas, tetapi juga melalui kerja lapangan untuk mengalami keadaan persekitaran yang sebenar (Mimi Mohaffyza Mohamad, 2010). Pembelajaran sepanjang hayat menjadi semakin penting di Malaysia kerana tekanan daripada ledakan globalisasi, perubahan teknologi yang pantas dan pertumbuhan penduduk di Malaysia (Mohamed Rashid Navi Bax, 2003).

3.0 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini data diambil menggunakan instrumen soal selidik. Set soal selidik ini diedarkan kepada pelajar-pelajar di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Azlan Shah dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu hanya pelajar yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance*. Penganalisaan dibuat mengikut kaedah statistik deskriptif skor min. Analisis kajian ini juga menggunakan kaedah ujian-t tidak bersandar bagi menguji hipotesis kajian.

3.1 Kaedah Persampelan

Populasi pelajar di JKE, PSAS adalah seramai 46 orang. Bagi populasi ini, persampelan dipilih berdasarkan persampelan rawak jenis kuota. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), sekiranya populasi seramai 45 orang bilangan saiz sampel adalah 40 orang. Oleh itu, sebanyak 41 soal selidik telah diedar dan dianalisis.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 3 bahagian dan juga demografi responden. 3 bahagian tersebut adalah Bahagian A: Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan, Bahagian B: Kemahiran Berfikir Secara Kritis, Bahagian C: Kemahiran Pembelajaran Berterusan. Item yang digunakan dalam soal selidik ini adalah jenis item tertutup yang menggunakan skala Likert aras persetujuan 1 hingga 4. Perincian skala Likert yang digunakan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Skala Likert	
Skala	Tafsiran
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Setuju
4	Sangat setuju

Item-item yang digunapakai dalam soal selidik telah diuji melalui ujian *Reliability Analysis - Cronbach's Alpha* menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis tersebut menunjukkan kesemua item yang dikaji adalah berada pada nilai alfa 0.576 iaitu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Analisis deskriptif dilakukan bagi mengenalpasti tahap pencapaian pelajar-pelajar politeknik terhadap tiga elemen kemahiran yang dikaji. Tahap skor min pemboleh ubah tersebut telah dibuat dengan menggunakan tafsiran seperti Jadual 2. Jadual ukuran skor min ini diadaptasi dan disesuaikan daripada Abdull Shukor Shaari, (2008).

Jadual 2: Ukuran skor min

Skor Min	Penjelasan Skor
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Analisis inferensi menggunakan ujian-t tidak bersandar dengan aras signifikan 0.05 digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan jantina pelajar yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* di JKE, PSAS yang menyertai pembelajaran berasaskan kerja lapangan terhadap kemahiran bekerja dalam kumpulan, berfikir secara kritis dan pembelajaran berterusan.

3.3 Hipotesis Kajian

- Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian kemahiran bekerja dalam kumpulan bagi pelajar-pelajar EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan berdasarkan jantina di JKE, PSAS.
- Ho₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian kemahiran berfikir secara kritis bagi pelajar-pelajar EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan berdasarkan jantina di JKE, PSAS.
- Ho₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian kemahiran pembelajaran berterusan bagi pelajar-pelajar EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan berdasarkan jantina di JKE, PSAS.

4.0 Dapatan Kajian

Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengetahui tahap pencapaian pelajar dan perbezaan pencapaian pelajar mengikut jantina terhadap tiga elemen kemahiran generik seperti kemahiran bekerja dalam kumpulan, berfikir secara kritis dan pembelajaran berterusan. Untuk menjawab objektif kajian yang pertama, statistik deskriptif skor min digunakan. Data-data yang diperolehi adalah daripada sampel pelajar sebanyak 46 orang pelajar yang menyertai aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan. Keseluruhan item yang dianalisis bagi mencapai objektif ini adalah sebanyak 15 item. Jadual 3 menunjukkan keputusan min keseluruhan analisis bagi setiap kemahiran generik bagi pelajar yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* di JKE, PSAS yang menyertai aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan. Secara keseluruhannya, semua elemen kemahiran generik yang dikaji adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini diakui oleh (Ahmad Esa S. P., 2013) yang menyatakan, pelajar sedar mengenai kepentingan kemahiran insaniah sebagai persediaan sebelum bekerja.

Jadual 3: Keputusan min keseluruhan analisis bagi setiap kemahiran generik bagi yang menyertai aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan.

Kemahiran Generik	Min	Sisihan Piawai
Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	3.49	0.56321
Kemahiran Berfikir Secara Kritis	3.46	0.46475
Kemahiran Pembelajaran Berterusan	3.50	0.42896

Keputusan kajian ini mendapati pelajar-pelajar JKE, PSAS yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* bersetuju dapat mengaplikasikan kemahiran generik sepanjang aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan mereka. Mereka bersetuju bahawa mereka boleh bekerja dengan ahli kumpulan lain, menyumbang pendapat kepada kumpulan, membantu orang lain untuk belajar mengenai suatu ilmu dan kemahiran juga berbincang dan bertukar pendapat dalam mencari idea dan menyelesaikan masalah. Daripada analisis yang dilakukan menunjukkan kesemua atribut kemahiran generik yang dikaji berada dalam tahap yang tinggi. Dapatan ini sejajar dengan Noorazman Abd Samad H. H. (2014) yang menjelaskan bahawa pelajar-pelajar prihatin terhadap kemahiran kerja berpasukan dan bertanggung jawab kepada setiap kerja yang dilakukan supaya matlamat kerja berpasukan tercapai. Mereka juga bersetuju bahawa kemahiran kerja berpasukan bagi pelajar politeknik adalah pada tahap yang tinggi.

Bagi elemen kemahiran berfikir secara kritis, responden bersetuju dengan setiap item soal selidik. Pihak responden bersetuju bagi menjadi lebih kreatif dalam membina idea baru dan menggabungkan maklumat yang sedia ada. Selain daripada itu, mereka juga bersetuju mereka mampu untuk menganalisa dan meningkatkan kemahiran dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul. Nilai min yang dianalisis menunjukkan elemen berfikir secara kritis berada di tahap yang tinggi bagi pelajar-pelajar yang mengikuti aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan. Dapatan ini disokong oleh Marliana Musa (2008) yang menyatakan pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan untuk berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah. Ianya bergantung kepada suasana kehidupan seharian seperti suasana pendekatan pembelajaran. Noorazman Abd Samad H. H., (2014) turut menyatakan sokongan bahawa kemahiran pemikiran secara kritis telah diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang lebih berketrampilan.

Kajian ini juga menunjukkan pihak responden bersetuju bahawa mereka mampu untuk menerapkan kemahiran pembelajaran berterusan sepanjang aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan. Pihak responden bersetuju bahawa mereka mampu untuk memperolehi maklumat daripada pelbagai sumber, menguruskan maklumat yang diperolehi dan mampu belajar sendiri dengan pengawasan yang minimum. Dapatan ini selaras dengan Hanim Sulaiman (2009) yang menjelaskan bahawa aspek pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat merupakan elemen yang amat dititikberatkan oleh pelajar sepanjang mereka berada di industri.

Bagi menjawab objektif yang kedua, ujian-t tidak bersandar digunakan untuk membandingkan purata pencapaian kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran pembelajaran berterusan bagi pelajar lelaki ($n = 23$) berbanding pelajar perempuan ($n = 18$) yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* di JKE, PSAS yang menyertai aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan. Ujian *Levene* adalah tidak signifikan ($p > .05$), maka varians diandaikan sama antara pelajar lelaki dan perempuan. Jadual 4 menunjukkan keputusan ujian-t bagi pencapaian kemahiran generik yang dikaji mengikut jantina bagi pelajar-pelajar JKE, PSAS yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan.

Jadual 4: Perbezaan pencapaian kemahiran generik pelajar mengikut jantina

Kemahiran Generik	Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Darjah Kebebasan	t	p
Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan	Lelaki	23	3.59	0.61098	39	1.383	.18
	Perempuan	18	3.35	0.47791			
Kemahiran Berfikir secara Kritis	Lelaki	23	3.64	0.44849	39	2.967	.00
	Perempuan	18	3.24	0.39284			
Kemahiran Pembelajaran Berterusan	Lelaki	23	3.59	0.47094	39	1.764	.08
	Perempuan	18	3.37	0.34087			

Bagi kemahiran bekerja dalam kumpulan, ujian-t adalah signifikan ($t(39) = 1.383, p > .05$) secara statistik. Keputusan ini gagal menolak hipotesis. Oleh itu hipotesis nul diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian kemahiran bekerja dalam kumpulan bagi pelajar-pelajar EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan berdasarkan jantina. Dapatan ini disokong oleh Noorazman Abd Samad H. H. (2014) dan Norzilawati Mohd Noor (2008) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap kemahiran kerja berkumpulan antara pelajar lelaki dan perempuan.

Bagi kemahiran berfikir secara kritis, ujian-t adalah signifikan ($t(39) = 2.967, p < .05$) secara statistik. Keputusan ini menolak hipotesis nul iaitu terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian kemahiran berfikir secara kritis bagi pelajar-pelajar EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan berdasarkan jantina. Ini menunjukkan pencapaian pelajar lelaki adalah berbeza dengan pelajar perempuan dari segi kemahiran berfikir secara kritikal. Dapatan ini selaras dengan Ramlee Mustapha (2011) yang mendapati terdapat perbezaan signifikan pencapaian kemahiran berfikir secara kritis antara pelajar lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan Siti Rahayah Ariffin (2012) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi sub-konstruk kemahiran kritikal yang dikaji.

Bagi kemahiran pembelajaran berterusan pula, keputusan ujian-t adalah gagal menolak hipotesis. Secara statistik, ($t(39) = 1.764, p > .05$) menunjukkan nilai aras signifikan melebihi 0.05. Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian kemahiran pembelajaran berterusan bagi pelajar-pelajar EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* yang menyertai kerja lapangan berdasarkan jantina. Dapatan ini menyokong kajian Ramlee Mustapha (2011) dan Adibah Abdul Latif (2010) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap koptensi diri yang dikaji, kemahiran pembelajaran berterusan merentas jantina.

5.0 Kesimpulan

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan menunjukkan keseluruhan elemen kemahiran insaniah yang dikaji iaitu kemahiran bekerja dalam kumpulan, berfikir secara kritis dan pembelajaran berterusan bagi pelajar yang mengambil kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* di JKE, PSAS yang mengikuti aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan signifikan kemahiran insaniah bagi pelajar lelaki dan perempuan bagi kemahiran berfikir secara kritis dan pembelajaran berterusan. Oleh itu, pihak politeknik disarankan untuk mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang melibatkan domain kognitif dan efektif kepada pelajar. Penekanan kesedaran kepada konsep pembelajaran berterusan perlulah dilakukan dengan memperkenalkan pelbagai aktiviti program pembelajaran berterusan yang lebih memfokuskan kepada pelajar perempuan perlu diadakan bagi menghasilkan kualiti pelajar yang seimbang dari kemahiran generik khususnya kemahiran pembelajaran berterusan. Daripada kajian ini jelas menunjukkan aktiviti pembelajaran berasaskan

kerja lapangan bagi kursus EC602 *Computer System Diagnosis and Maintenance* sangat sesuai dilakukan bagi meningkatkan lagi motivasi pelajar untuk belajar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran generik pelajar. Justeru pihak politeknik disarankan untuk menyediakan aktiviti pembelajaran berasaskan kerja lapangan yang lebih terancang dan berstruktur bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

Rujukan

- Abdull Shukor Shaari, A. A. (2008). Keadilan Penilaian Prestasi dalam Kalangan Guru dan Hubungannya dengan Motivasi Kerja dan Prestasi Akademik Sekolah. *IJMS 15 (Bumer Issue)*, 159-176.
- Adibah Abdul Latif, N. M. (2010). Persepsi Pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, universiti Teknologi Malaysia Terhadap Kompetensi Diri Semasa Menjalani Latihan Industri.
- Ahmad Esa, H. J. (2010). Peranan Kokurikulum dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa.
- Ahmad Esa, J. M. (2008). Persepsi Pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum di Politeknik.
- Ahmad Esa, M. Z. (2010). *Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Parit Raja: UTHM.
- Anne Virtanen, P. T. (2008). Students' experiences of workplace learning in Finnish VET. *European Journal of Vocational Training*, 200-213.
- Ariffin, A. A. (2009). *work-based learning diploma programmes at community colleges in malaysia*.
- Hanim Binti Sulaiman, N. H. (2009). *Kemahiran Generik Yang Diperolehi Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG Semasa Menjalani Latihan Industri*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hanum Hassan, R. A. (2010). Kemahiran Insaniah dan kepentingan Penerapannya dalam Program Baktisiswa Persdana UniMAP. 634-644.
- Huzili Hussin, A. Z. (2008). Memperkasakan Mahasiswa Kejuruteraan Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah(Soft Skills). 583-596.
- Mahyuddin Arsaf, N. A. (2008). Kemahiran Generik dalam Faktor Pemilihan Jurutera Mengikut Perspektif Industri Pembinaan.
- Mangkau, I. D. (2012). Penguasaan kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Unversiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2*, (pp. 40-59).
- Marliana Musa, A. E. (2008). Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik Serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Techno Social*, 77-94.
- Masud, M. A. (2013). *Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum dalam Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM*. Parit Raja: UTHM.
- Mimi Mohaffyza Mohamad, C. M. (2010). *Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bagi Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Kemahiran Di Malaysia*.

- Mohamed Rashid Navi Bax, M. N. (2003). *lifelong learning in malaysia*. international policy seminar by IIEP, UNESCO and KRIVET.
- Mohd Fathi Adnan, A. A. (2013). Impak Kursus UTM dan Khidmat Komuniti Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE)* (pp. 406-410). Johor Bharu: UTM.
- Mohd Yusof Husain, S. B. (2010). Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah. *The Regional Seminar on Sciences, Technology and Social Sciences*, 73-85.
- Norani Mohd Noor, N. B. (2008). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Kokurikulum di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.
- Norzilawati Mohd Noor, M. S. (2008). Kemahiran generik di kalangan Pelajar IPT: Satu Kajian Tahap Keyakinan Merentas Jantina. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*.
- Osman, G. b. (2013). Memperkasa Modal Insan Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kole Komuniti.
- Ramlee Mustapha, M. Y. (2011). Kemahiran 'Employability' Dari Perspektif Pelajar kejuruteraan. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam pendidikan dan latihan Teknik dan vokasional (CIE-TVT)*.
- Rodiah Idris, S. R. (2009). Pengaruh Kemahiran Generik Dalam Kemahiran Pemikiran Kritis, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi pelajar Universiti kebangsaan malaysia (UKM). *MJLI VOL. 6*, 103-140.
- Sarimah Kamrin, S. N. (2008). Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 13*, 58-72.
- Sayed Mahussain Sayed Ahmad, F. M. (2009). Kemahiran Berkomunikasi Berkesan dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam).
- Sharifah Hana Abd Rahman, Z. Y. (2015). Faktor-faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri di Institut Pengajian Tinggi (IPTY): Satu Sorotan. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCASiC2015*, (pp. 619-627). Kuala Lumpur.
- Shazaitul Azreen Rodzalan, M. M. (2012). The Effects of Industrial Training on Student' Generic Skills Development. *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education (ICTLHE 2012) in conjunction with RCEE & RHED 2012* (pp. 357-368). Skudai, Johor: Elsevier.
- Siti Rahayah Ariffin, R. A. (2012). Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Pelajar-pelajar Sains di Malaysia.
- Watisin, W. (2010). *Pelaksanaan Program Pembelajaran Berasaskan Kerja di Kolej Komuniti Bukit Beruang: Satu Kajian Kes*. Parit Raja: UTHM.
- Yin, K. Y. (2008). *Keberkesanan Kaedah Penyelesaian Masalah Secara Kolaboratif dalam Kalangan Pelajar Eknomi Tingkatan Enam*.
- Zulkifli Mansor, H. G. (2010). Pelaksanaan dan Penilaian Kemahiran Insaniah dalam Matapelajaran AS101 (Softskills) di Politeknik.

KECENDERUNGAN PEMILIHAN KERJAYA SEBAGAI USAHAWAN DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN SESI JUN 2015 DI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA.

Suzana Binti Baharudin¹, Hamidah Binti Abd Latif² Raman Bin Ibrahim³

¹Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

²Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

³Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Politeknik Merlimau, Melaka

suzana@pmm.edu.my, hamidah@pmm.edu.my, raman@pmm.edu.my

Abstrak

Kemahiran keusahawanan merupakan titik tambah kepada pelajar dalam membentuk masa depan mereka. Pendidikan dan pembangunan keusahawanan politeknik yang holistik amat signifikan dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengkaji kecenderungan pemilihan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan Sesi Jun 2015 di Politeknik Merlimau Melaka. Secara khususnya kajian ini akan menyelidik adakah faktor pengajian, ciri-ciri peribadi dan sikap pelajar atau faktor keluarga mempengaruhi kecenderungan pelajar. Soalselidik dengan skala Likert 5 markat telah diedarkan kepada 54 orang responden. Data ini diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 20.0*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor pengajian dan ciri-ciri peribadi dan sikap pelajar mempunyai skor min purata yang tinggi iaitu 4.08 dan 4.07 tetapi faktor keluarga berada di tahap sederhana iaitu 3.76. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor pengajian telah mendorong responden untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. Ini di sokong juga dengan ciri-ciri peribadi dan sikap positif responden yang berminat untuk menceburi bidang ini. Walaubagaimanapun faktor keluarga masih perlu di beri perhatian agar usaha melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan pelajar politeknik dapat direalisasikan. Secara tidak langsung hasil kajian membuktikan bahawa responden berkecenderungan menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan selepas tamat pengajian kelak. Oleh yang demikian hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memperkasakan bidang keusahawanan di kalangan pelajar akan dapat direalisasikan dengan baik.

Katakunci: Kerjaya sebagai usahawan, pelajar semester akhir, Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Merlimau